

Seni silat untuk bekas penagih isi masa lapang

Lawatan, dialog ke enam DRC dimula Januari
24 NOV 1989

Oleh SAINI SALLEH

SUATU saluran kegiatan riadah yang bukan saja baik untuk jasmani malah rohani kini tersedia bagi penagih dadah jika mereka bergiat dalam kegiatan silat selepas dibebaskan kelak.

Untuk itu, sembilan perguruan silat akan menjalankan usaha menarik mereka menceburi kegiatan itu menerusi satu siri lawatan dan dialog ke enam pusat pemulihan dadah (DRC) mulai Januari.

Rancangan itu diputuskan dalam perbincangan antara Setiausaha Politik (Ehwal Dalam Negeri), Encik Harun Abdul Ghani, dengan 14 anggota Majlis Guru-Guru dan Jurulatih Perguruan Bersama, di Restoran Sate Inn, malam kelmarin.

Majlis itu diadakan atas daya usaha Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) dan dianggotai oleh sembilan perguruan setempat yang mempunyai lebih

1,000 anggota. *MAKUTIK SPUNDA*

Mereka terdiri daripada Silat Seni Gayong, Panca Sakti, Gayong Pasak, Sendeng Belalang, Cekak, Seligi Tunggal, Setia Bakti, Pencak Sunda dan Tapak Suci. *MAKUTIK SPUNDA*

Awal dari itu, Encik Harun memberi taklimat kepada anggota majlis itu tentang perkembangan terbaru masalah dadah.

Beliau berkata: "Silat adalah satu kegiatan yang bukan saja baik untuk jasmani bahkan rohani. Penagih di DRC tidak mempunyai masalah dari segi jasmani berdasarkan keadaan tubuh badan mereka yang sihat dan tegap semasa menjalani pemulihan.

"Tetapi, sebilangan besar agak lemah dari segi rohani dan di sinilah peranan yang boleh dimainkan oleh seni silat dalam memupuk dan meningkatkan nilai-nilai kerohanian — adab dan agama."

Rancangan itu akan dapat mengukuhkan iman mereka da-

lam menangkis pengaruh dadah dan sekaligus merasakan bahawa masyarakat tidak mengetepikan mereka.

Pusat pemulihan yang akan dilawati ialah Clementi, Sembawang, Khalsa Crescent, Sembawang, Jalan Awan dan Moon Crescent yang menempatkan penagih wanita.

Dalam lawatan itu kelak, kesemua guru dan jurulatih perguruan tersebut akan menunjukkan persembahan silat masing-masing di samping berdialog dengan mereka.

Menerusinya, Encik Harun mengharapkan penagih-penagih yang berminat untuk menceburi kegiatan itu akan tahu di mana tempat berlatih dan siapa yang boleh mereka hubungi apabila dibebaskan kelak.

Rancangan itu menyusuli perkampungan silat Perwanit dengan kerjasama kesemua perguruan itu di pusat pendidikan Pertapis, bulan lalu.